

'Penjenayah alam sekitar perlu disebat, penjara'

Oleh [Zanariah Abd Mutalib](#) - Disember 31, 2023 @ 2:37pm
zanariah_mutalib@bh.com.my



Gambar fail - Anggota Hazmat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melakukan saringan keadaan kualiti udara menggunakan alat pengesan gas di Sungai Kim Kim pada 2019. NSTP/ADI SAFRI

KUALA LUMPUR: Peruntukan mengikut Kanun Keseksan wajar diguna pakai dalam menghukum penjenayah alam sekitar, termasuk mempertimbangkan hukuman sebat terhadap mereka, yang bukan saja mencemarkan alam sekitar, malah meninggalkan kesan buruk kepada kesihatan masyarakat sekeliling.

Pakar undang-undang dan alam sekitar menyifatkan, peruntukan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2022 (Akta 127) yang dibentangkan sebelum ini tetapi tidak sempat diluluskan, masih tidak mencukupi kerana walaupun jumlah denda dan hukuman yang tinggi boleh dikenakan, namun bukan jaminan mutlak terhadap kesejahteraan alam sekitar dan masyarakat terpelihara.

Mereka menggesa tindakan lebih tegas dikenakan berikutan pencemaran alam sekitar kini tidak boleh lagi dilihat hanya sebagai kesalahan sivil tetapi juga kesalahan jenayah yang membawa risiko kepada nyawa manusia.

Pensyarah Kanan di Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman, berkata mengikut pindaan itu, denda maksimum RM10 juta boleh dikenakan bagi kesalahan seperti pencemaran air dan pelupusan haram buangan terjadual, jauh lebih tinggi berbanding jumlah penalti yang dikenakan sebelum ini.

Bagaimanapun katanya, Kanun Keseksan sangat wajar diguna pakai kerana tidak semua kesan pencemaran alam sekitar terhadap status kesihatan masyarakat sekitar berlaku serta-merta.

"Ada kesan pencemaran yang mengambil masa yang lama, khususnya membabitkan sakit kronik seperti kanser. Contohnya seperti penyakit minamata akibat pelepasan merkuri yang mengambil masa antara 10 hingga 20 tahun.

"Sudah tiba masanya kerajaan mempertimbang hukuman sebat kepada penjenayah alam sekitar jika perbuatan mereka dibuktikan melalui laporan perubatan, yang menimbulkan kesan kesihatan yang signifikan seperti hilang upaya kekal kepada mangsa," katanya kepada BH.

BH semalam melaporkan mengenai penderitaan seorang pelajar, Irfan Wafiy Idham Wazir, 16, yang mengalami penyakit Myokymia akibat terhidu sisa toksik dari Sungai Kim Kim, Pasir Gudang,

menyebabkan beberapa anggota badannya menggeletar serta lemah dan terpaksa bergantung kepada tongkat untuk berjalan.

Irfan Wafiy kecewa kerana kesengsaraan yang ditanggungnya sejak lima tahun lalu seolah-olah tidak sepadan dengan hukuman diterima mereka yang bertanggungjawab, malah bapanya, Idham Wazir A Wahab, 53, turut mempersoalkan mengapa dalang tragedi itu tidak didakwa mengikut Kanun Tatacara Jenayah kerana kesalahan itu membabitkan perbuatan khianat dan kemudaratan awam, yang menyebabkan mangsa menderita akibat kesihatan yang merosot dan terganggu.

Mengulas lanjut, Haliza mencadangkan supaya unsur liabiliti dipertimbang dalam peruntukan undang-undang, iaitu mewajibkan penjenayah alam sekitar menanggung kos berkaitan pembiayaan kesihatan dan pampasan setimpal kepada mangsa yang terkesan akibat jenayah yang dilakukan.

Malah katanya, perlu ada terma 'tiada had berkaitan masa/tempoh' bagi mereka yang terkesan berdasarkan laporan perubatan untuk menuntut pampasan dan ganti rugi, khususnya membabitkan aspek kesihatan kerana penyakit tertentu yang perlu ditanggung lama oleh mangsa, seperti kanser.

"Hakikatnya, perbuatan mencemar alam sekitar adalah suatu kesalahan yang serius kerana ia mencabul hak asasi seseorang individu untuk menikmati alam sekitar yang bersih, sihat dan sejahtera.

"Justeru, penggunaan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara dalam pendakwaan juga sangat wajar di bawah peruntukan hak asasi," katanya.

Sementara itu, pakar undang-undang dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Salawati Mat Basir, berkata Kanun Keseksaan wajar diguna pakai sebagai pengajaran kepada semua pihak supaya tidak melakukan pencemaran alam sekitar yang membawa mudarat kepada kesihatan awam.

"Sebagai contoh, tindakan yang mencemarkan Sungai Kim Kim menyebabkan ada penduduk yang masih lagi berdepan penyakit kronik sehingga hari ini.

"Jadi, pada saya, sudah sampai masanya kita bertindak tegas. Tidak boleh lagi ia dianggap sebagai satu kesalahan sivil, sudah jadi seperti jenayah," katanya.

Salawati berpendapat, elemen membabitkan kecuaiannya, leka dan bertindak tidak wajar dalam melakukan kesalahan mencemarkan alam sekitar perlu dimasukkan dalam pindaan undang-undang berkaitan supaya tiada alasan untuk pelaku melepaskan diri atau tidak menerima hukuman yang sewajarnya.

"Kebanyakan yang melakukan kesalahan ini mendakwa mereka 'tidak perasan'. Jika kita mengenakan hukuman denda saja, mereka tidak akan rasa bertanggungjawab, jadi perlu dimaksudkan elemen sedemikian," katanya.

Ditanya sama ada tindakan perundangan lain boleh dikenakan ke atas pesalah alam sekitar yang sudah dijatuhkan hukuman mengikut Akta Alam Sekeliling, Salawati berkata, seseorang itu tidak boleh dikenakan dua kali hukuman bagi satu kesalahan yang sama, melainkan jika kesalahan itu membabitkan pelanggaran beberapa akta lain atau mangsa mahu mengambil tindakan sivil ke atas pesalah terbabit.

"Jika mangsa ingin menyaman pihak berkaitan selepas hukuman yang dikenakan dirasakan tidak membela nasibnya, mangsa boleh melakukannya tetapi kerajaan atau pihak berkuasa tempatan (PBT), tidak boleh kerana ia tidak boleh "double jeopardy"," katanya.